



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA JULAI 2024

Indeks Harga Pengeluar Malaysia terus meningkat 1.3 peratus pada Julai 2024

PUTRAJAYA, 28 Ogos 2024 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur perubahan harga barangan di peringkat pengeluar, terus meningkat 1.3 peratus pada Julai 2024 berbanding 1.6 peratus pada bulan sebelumnya. Ini dilaporkan dalam laporan bulanan terbaharu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, JULAI 2024** oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas, “Semua sektor dalam IHPR Pengeluaran Tempatan terus meningkat sejak Mac 2024. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan naik 3.4 peratus, sama seperti bulan sebelumnya (Jun 2024: 3.4%) dengan indeks Penanaman tanaman kekal mencatatkan peningkatan 8.0 peratus. Sektor Perlombongan meningkat 2.2 peratus (Jun 2024: 4.6%), disumbangkan oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (3.0%). Selain itu, sektor Pembuatan meningkat marginal 0.9 peratus (Jun 2024: 1.1%) disebabkan oleh indeks Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (7.0%) dan Pembuatan produk makanan (1.2%). Sementara itu, indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing naik 9.0 peratus dan 0.3 peratus.”

Beliau menjelaskan lagi, “Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan terus menurun sebanyak negatif 0.2 peratus pada Julai 2024 (Jun 2024: -0.1%). Penurunan ini disebabkan oleh sektor Pembuatan yang turun negatif 0.3 peratus (Jun 2024: 0.1%). Ini terjejas oleh indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-0.8%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-0.6%). Pada masa yang sama, indeks Bekalan elektrik & gas

juga turun negatif 0.8 peratus (Jun 2024: -1.1%). Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 1.1 peratus (Jun 2024: 1.1%), dengan indeks Penanaman tanaman kekal mencatatkan peningkatan 2.7 peratus. Sektor Perlombongan juga meningkat 0.7 peratus (Jun 2024: -3.4%), disumbangkan oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (2.7%). Selain itu, sektor Bekalan air pula naik 0.8 peratus (Jun 2024: 0.1%).”

Mengulas mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa, “Semua peringkat pemprosesan mencatatkan peningkatan pada Julai 2024. Indeks Barang siap naik 2.9 peratus (Jun 2024: 2.8%) disumbangkan oleh indeks Kelengkapan modal (6.0%). Sementara itu, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat 1.5 peratus (Jun 2024: 2.6%) disebabkan oleh indeks Bahan bukan makanan (2.3%). Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen juga meningkat 0.6 peratus (Jun 2024: 0.7%) disebabkan oleh Bahan dan komponen untuk pembuatan (2.0%).”

Pada asas bulanan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat sebanyak 0.8 peratus, manakala indeks Barang siap meningkat 0.2 peratus. Namun begitu, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen menurun negatif 0.6 peratus.

Melihat kepada negara terpilih, PPI Amerika Syarikat meningkat 2.2 peratus bulan ini berbanding 2.7 peratus pada Jun 2024. IHPR Jepun terus meningkat 3.0 peratus, berbanding peningkatan 2.9 peratus pada bulan sebelumnya, didorong oleh kenaikan berterusan dalam kos peralatan pengangkutan, minuman & makanan, kimia dan petroleum & arang batu. Harga pintu kilang bagi barangan yang dikeluarkan di UK juga meningkat 0.8 peratus, perlahan daripada 1.0 peratus pada Jun 2024, disebabkan oleh produk petroleum bertapis. Sementara itu, harga pengeluar China terus merosot 0.8 peratus, sama seperti bulan sebelumnya. Walaupun mencatatkan deflasi pengeluar, angka terkini adalah yang terendah sejak Januari 2023, dibantu oleh pelbagai langkah sokongan daripada kerajaan

Bercakap mengenai harga komoditi Malaysia yang terpilih, beliau turut menyatakan bahawa, “Indeks Penanaman tanaman bukan kekal yang terdiri daripada buah-buahan dan sayur-sayuran turun hampir 5.0 peratus pada bulan ini, berikutan bekalan yang stabil susulan cuaca yang baik. Suhu yang baik dan panas kebelakangan ini menyebabkan pengeluaran hasil sayuran meningkat, dengan bekalan sayuran kembali stabil. Penurunan harga itu juga disebabkan oleh hasil sayuran yang banyak dan eksport sayur-sayuran Malaysia ke Singapura yang berkurangan. Sementara itu, harga minyak sawit mentah

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 28 Ogos 2024


kekalkan purata melebihi RM4,000 per tan, berikutan keadaan cuaca kering yang menjejaskan hasil minyak sawit.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)





Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 OGOS 2024**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA JULY 2024

Malaysia's Producer Price Index continued to rise by 1.3 per cent in July 2024

PUTRAJAYA, 28th August 2024 – Malaysia's Producer Price Index, which measures the price changes of goods at the producer level, continued to rise by 1.3 per cent in July 2024 from a 1.6 per cent increase in the previous month. This was reported today in the latest monthly report of the **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, JULY 2024** by the Department of Statistics Malaysia.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin commented that, "All sectors in PPI Local Production continued to increase since March 2024. The Agriculture, forestry & fishing sector went up by 3.4 per cent, similar to the previous month (June 2024: 3.4%) with the index of Growing of perennial crops recording an 8.0 per cent increase. The Mining sector edged up 2.2 per cent (June 2024: 4.6%), contributed by the index of Extraction of crude petroleum (3.0%). Likewise, the Manufacturing sector marginally increased by 0.9 per cent (June 2024: 1.1%) due to Manufacture of computer, electronic & optical products (7.0%) and Manufacture of food products (1.2%) indices. Meanwhile, the of index Water supply and Electricity & gas supply increased by 9.0 per cent and 0.3 per cent, respectively."

He further explained, "On a monthly basis, PPI Local Production decreased further by negative 0.2 per cent in July 2024 (June 2024: -0.1%). The decline was attributed to the Manufacturing sector, which went down by negative 0.3 per cent (June 2024: 0.1%). This was affected by Manufacture of coke & refined petroleum products (-0.8%) and Manufacture

of computer, electronic & optical products (-0.6%) indices. At the same time, the Electricity & gas supply index also went down by negative 0.8 per cent (June 2024: -1.1%). Conversely, the Agriculture, forestry & fishing sector increased by 1.1 per cent (June 2024: 1.1%), with the index of Growing of perennial crops posting a 2.7 per cent increase. The Mining sector up by 0.7 per cent (June 2024: -3.4%), contributed by the Extraction of crude petroleum (2.7%) index. Besides, the Water supply sector also increased by 0.8 per cent (June 2024: 0.1%).”

Commenting on the PPI Local Production by stage of processing, Chief Statistician Malaysia mentioned that, “All stages of processing recorded an increase in July 2024. The Finished goods index edged up by 2.9 per cent (June 2024: 2.8%) contributed by the Capital equipment (6.0%) index. Meanwhile, the Crude materials for further processing index went up by 1.5 per cent (June 2024: 2.6%) due to the Non-food materials index (2.3%). The Intermediate materials, supplies & components index also inched up by 0.6 per cent (June 2024: 0.7%) due to the Materials and components for manufacturing (2.0%).”

On a monthly basis, the Crude materials for further processing index increased by 0.8 per cent, while the Finished goods index went up by 0.2 per cent. However, the Intermediate materials, supplies & components index declined by negative 0.6 per cent.

Looking at selected countries, the PPI of the United States of America went up by 2.2 per cent this month as against 2.7 per cent in June 2024. Japan’s PPI continued to increase by 3.0 per cent, from 2.9 per cent increase in the prior month, driven by further rises in cost of transport equipment, beverages & food, chemicals and petroleum & coal. Factory gate prices of goods produced in the UK also rose by 0.8 per cent, slowing from 1.0 per cent in June 2024, due to the refined petroleum products. Meanwhile, China’s producer price declined further by 0.8 per cent, similar to the previous month. Although indicating producer deflation, the latest figure remained the lowest since January 2023 contributed by multiple support measures from the government.

Speaking about Malaysia’s current selected commodity prices, he further mentioned that, “The index of Growing of non-perennial crops which comprises fruits and vegetables declined by nearly 5.0 per cent in this month, after a period of steady supply due to favorable weather conditions. The recent warm temperatures have led to a rise in vegetable production, resulting in a more stable vegetable supply. The decrease in prices was also a result of an excess of vegetables and a reduction in vegetable exports from Malaysia to

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 28th August 2024

Singapore. Meanwhile, crude palm oil prices remained above average RM4,000 per tonne, following dry weather conditions which affected palm oil yields.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development”.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia




Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia




Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia






Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)





Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28th AUGUST 2024